

POLA PERBELANJAAN DAN TABUNGAN, SERTA STATUS PEMBIAYAAN DALAM KALANGAN PEMIUTANG KENDERAAN, PERIBADI DAN KAD KREDIT DI SELANGOR

Norain Mod Asri

Fariza Ahmad

Norlaila Abu Bakar

Rozarina Izura Tukiran

Fadhilah Hairol Zaman

Pusat Pengajian Ekonomi

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengenalan

Peningkatan berterusan dalam nisbah hutang isi rumah berbanding dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan pertambahan jumlah individu yang diisytiharkan muflis setiap tahun sebenarnya boleh mengarah kepada masyarakat terperangkap dalam masalah kitaran defisit-hutang yang seterusnya akan merosakkan kelestarian ekonomi sesebuah negara. Perlu ditegaskan bahawa peningkatan hutang isi rumah yang pada awalnya membantu pertumbuhan penggunaan akan menyebabkan ekonomi yang sedang berkembang menjadi merudum dengan cepat (Azlina, Tamat, & Abu Hassan Shaari, 2013) terutama jika hutang tersebut tidak terkawal (Athanasios, 2012). Jelas sekali hubungan antara hutang dengan output menjadi negatif akibat pengumpulan hutang berlebihan (Kim, 2013).

Jika diperhalusi kes hutang isi rumah di Malaysia, laporan Bank Negara Malaysia (2015) menunjukkan nisbah paras hutang isi rumah kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengalami peningkatan daripada 57% (2002) kepada 86.8% (2014) dan 89.1% (2015). Hal ini menjadikan Malaysia antara negara yang mempunyai paras hutang tertinggi antara negara membangun di Asia. Seperkara yang perlu diberi perhatian di sini ialah pertumbuhan hutang tersebut sebenarnya tidak selaras dengan peningkatan pendapatan yang lebih rendah dan dicerminkan oleh pertumbuhan KDNK. Hal ini kerana pinjaman isi rumah daripada bank dan bukan bank meningkat 7.3% pada tahun 2015 (Bank Negara Malaysia, 2015) berbanding dengan pertumbuhan sebenar KDNK sebanyak 5% pada tahun yang sama (Unit Perancang Ekonomi, 2015). Peningkatan hutang

tersebut pula banyak disumbangkan oleh pertumbuhan pembiayaan untuk tujuan peribadi dan pembelian rumah.

Di samping itu, menurut laporan Bank Negara Malaysia (2015) lagi, walaupun agregat nisbah aset kewangan isi rumah kepada hutang tetap kekal dua kali sejak lima tahun yang lalu (2011 hingga 2015), namun paras leveraj (yakni nisbah hutang terkumpul kepada pendapatan tahunan) pada tahun 2015 ternyata tinggi dalam kalangan isi rumah berpendapatan RM3,000 sebulan (23.6%) dan lebih tinggi lagi bagi isi rumah dengan pendapatan melebihi RM5,000 (55.2%). Namun, trend bagi paras leveraj sektor isi rumah dengan pendapatan bulanan rendah (RM3,000) ini dilihat semakin menurun daripada 24.3% (2014) kepada 23.6% (2015). Hal ini mencerminkan kemampuan membayar balik pinjaman yang lebih baik walaupun pada kadar pembayaran yang rendah. Dalam masa yang sama, didapati juga 48.6% hutang isi rumah di Malaysia dicagarkan kepada pembiayaan hartanah, sewa beli (15.5%), pembiayaan peribadi (15%), harta bukan kediaman (7.6%), sekuriti (6.1%) dan kad kredit (3.5%). Kepelbagaian jenis hutang ini menunjukkan kemudahan kredit sememangnya membolehkan isi rumah membeli harta, kenderaan dan barangan pengguna serta membuat pelaburan (Cynamon & Fazzari, 2010).

Pada peringkat mikro, pertambahan penggunaan kad kredit dan kemudahan kredit lain yang disediakan oleh institusi kewangan sedikit sebanyak dilihat turut menyumbang kepada pengguna untuk terjerumus dan terperangkap dalam kancah keberhutangan jika mereka berbelanja melebihi kemampuan kewangan mereka. Menurut Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (2014), sejak penubuhannya pada 2006 sehingga Julai 2014, seramai 280,428 orang telah mendapatkan perkhidmatan pengurusan kewangan, dan daripada jumlah itu, 121,188 orang telah dibantu oleh AKPK menerusi Program Pengurusan Kredit (*Utusan Malaysia*, 2014). Statistik ini jelas menggambarkan bahawa pengguna berhadapan dengan bebanan hutang yang semakin tinggi dan kebanyakannya tidak dapat menguruskan pembayaran balik hutang mereka dengan sebaik-baiknya.

Berkaitan isu kemuflihan, statistik sejak tahun 2010 hingga April 2015 menunjukkan 107,000 individu telah diisytihar mufliis. Individu berumur 35 hingga 44 tahun merupakan golongan tertinggi yang diisytiharkan bankrap, iaitu seramai 37,888 orang daripada jumlah keseluruhan (*Utusan Malaysia*, 2015). Namun, pada tahun 2014 dan 2015, isu kebankrapan paling tinggi dikaitkan dengan kegagalan membayar balik pinjaman peribadi dan sewa beli kenderaan; manakala kes kebankrapan akibat gagal membayar hutang kad kredit bukanlah merupakan kes tertinggi, iaitu hanya melibatkan 1,770 kes daripada 18,457 kes kebankrapan sepanjang tahun 2015 (*Berita Harian*, 2016).

Justeru, kajian ini akan mengupas isu berkaitan pola perbelanjaan, tabungan dan status pembiayaan dalam kalangan peminjam hutang kenderaan, peribadi dan kad kredit di Selangor. Pinjaman peribadi dan sewa beli kenderaan dipilih memandangkan kes kebangkrapan akibat kegagalan membayar balik kedua-dua pinjaman ini adalah tinggi. Pinjaman kad kredit pula turut diambil kira disebabkan pinjaman ini yang mempunyai kriteria yang sama dengan pinjaman peribadi dan sewa beli kenderaan, iaitu ia biasanya berjangka masa pendek dan sederhana, mudah diperoleh dan kurang menyumbang dalam pemilikan aset tetap (jangka masa panjang) bagi isi rumah.

Sorotan Kajian Lepas

Kedaaan ekonomi yang baik telah meningkatkan pendapatan dan menggalakkan individu untuk meningkatkan perbelanjaan mereka secara mendadak berbanding dengan pendapatan boleh guna yang mereka peroleh (Cynamon & Fazzari, 2008). Lantas, dalam ekonomi yang sedang membangun, penggunaan juga biasanya akan bertumbuh bagi membolehkan individu meningkatkan taraf hidup mereka. Maka tidaklah menghairankan apabila pertumbuhan penggunaan dipacu oleh ledakan hutang isi rumah yang turut disertai oleh trend perbelanjaan yang melambung di Amerika Syarikat menjelang tahun 2008.

Senario yang sama juga berlaku di Malaysia, Thailand, Singapura, Korea, Hong Kong dan China apabila negara tersebut dicatatkan sebagai antara negara yang mempunyai nisbah hutang isi rumah berbanding dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang tertinggi di rantau Asia (*Standard and Poor's Rating Services, 2015*). Bagi kes Malaysia, peningkatan harga hartanah secara mendadak semenjak akhir tahun 2010 dilihat telah menyumbang kepada pemegangan pinjaman perumahan yang terbesar oleh isi rumah. Sebaliknya, Erich, Erik & Bernadette (2008) pula membuktikan lebih daripada 75% responden meminjam wang untuk membeli kereta dan membayar bil kesihatan di Amerika Syarikat. Selain itu, mereka turut menyimpulkan dua faktor yang menyebabkan golongan lelaki dilihat cenderung untuk meminjam berbanding dengan perempuan. Pertama, perempuan lebih gemar mengelakkan risiko dalam keputusan kewangan. Kedua, lelaki cenderung mengambil kredit kerana mereka bangga dengan kemampuan untuk membayar balik hutang.

Seterusnya, berkaitan dengan pinjaman peribadi, menurut Sheilagh, Markus & Janine (2012), hampir semua golongan mampu untuk meminjam, membuat pelaburan kewangan dan mempelbagaikan risiko. Hal ini kerana pinjaman memudahkan individu membuat pelaburan yang menguntungkan, membolehkan petani membeli tanah dan haiwan ternakan, membantu

majikan membayar upah pekerja dan buruh serta memudahkan tukang di luar bandar membiayai kelewatan antara membeli dengan menjual input barangan industri. Walaupun begitu, didapati golongan yang berpendapatan tinggi lebih cenderung untuk mempunyai pinjaman terkumpul yang lebih banyak.

Bagi pinjaman menerusi kad kredit, Sule dan Gyongyi (2013) membuktikan pengurangan permintaan kad kredit bulanan sebagai tindak balas kepada peningkatan dalam kadar bunga. Selain itu, kebiasaannya hanya peminjam yang berisiko rendah sahaja yang menggunakan kad kredit mereka sepenuhnya, tetapi mereka juga bakal menurunkan permintaan terhadap kad kredit dengan ketara apabila berhadapan dengan peningkatan dalam kadar bunga. Sumit, Liu & Lawrence (2003) pula menegaskan salah laku dalam penggunaan kad kredit akhirnya bakal mengarah kepada masalah kebangkrutan atau muflis. Sebagai contoh, di Amerika Syarikat, peratusan keseluruhan kad kredit yang belum dijelaskan menunjukkan peningkatan drastik sebanyak 1.75% pada tahun 1995 menjadi 2.75% pada tahun 1999. Lantas, pertambahan tunggakan pinjaman kad kredit tersebut yang wujud akibat kegagalan pengguna membayar semula pinjaman telah menyebabkan pihak bank memfailkan ke mahkamah kes muflis ke atas peminjam terbabit.

Selanjutnya, perlu diingatkan bahawa kajian oleh *The Consumer Credit Counselling Service* (2010) terhadap 372 pelanggan mereka mendapati masalah hutang memberi kesan ke atas perhubungan individu dengan pasangan (37%) dan anak-anak (22%), serta hampir separuh individu turut menyatakan ia mempengaruhi tahap kesihatan mereka. Dapatan ini disokong oleh Azlina, Tamat & Abu Hassan Shaari, (2013) yang menegaskan pengambilan hutang bagi isi rumah merupakan satu amalan yang berleluasa pada masa kini dan ia memberi kesan kepada pelbagai perspektif termasuklah dari sudut sosial, psikologi, ekonomi dan agama.

Dari jurus pandang makro, menurut Barba dan Pivetti (2009) wujud peningkatan ketara hutang isi rumah di kebanyakan negara maju. Hal ini terkesan daripada hutang isi rumah dan pengeluaran barangan yang mempunyai hubungan positif, iaitu apabila hutang isi rumah bertambah, perbelanjaan penggunaan isi rumah juga akan bertambah dan seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Namun begitu, hubungan hutang dengan output tersebut boleh menjadi negatif akibat pengumpulan hutang yang berlebihan. Dalam kata lain, beban hutang kemudiannya boleh mengurangkan perbelanjaan isi rumah dan output (Mark & Yun, 2013).

Keputusan Mark dan Yun (2013) tersebut turut selari dengan dapatan kajian Azlina *et al.* (2013) yang menjelaskan pertumbuhan penggunaan merupakan

sumber penting yang mempengaruhi peningkatan dalam permintaan agregat dan mampu membawa kepada pertumbuhan ekonomi. Namun, peningkatan hutang isi rumah yang berleluasa pada awalnya boleh menyebabkan ekonomi yang sedang berkembang menjadi merudum dengan cepat dan mengakibatkan kemerosotan atau krisis ekonomi yang teruk. Dalam masa yang sama, Azlina *et al.* (2013) juga mendapati kewujudan pengaruh penting pembangunan ekonomi sesebuah negara terhadap hutang isi rumah dan jurang pendapatan. Secara spesifiknya, bagi negara yang mempunyai pembangunan ekonomi yang tinggi, jurang pendapatan berhubungan secara positif dengan hutang isi rumah. Bagi negara yang mempunyai pembangunan ekonomi yang sederhana atau rendah pula, jurang pendapatan adalah berhubungan secara negatif dengan hutang isi rumah. Rentetan itu, mereka merumuskan bahawa hubungan jurang pendapatan dan hutang isi rumah tersebut wajar dijadikan input oleh kedua-dua kumpulan negara kerana dasar kawalan hutang isi rumah boleh mempengaruhi pertumbuhan dan kestabilan ekonomi negara masing-masing.

Bagi isu penentu pinjaman pula, Moroke (2014) mendapati kadar faedah, kadar pertukaran dan kadar pengangguran mempengaruhi peningkatan mendadak hutang isi rumah di Amerika Syarikat. Dalam masa yang sama, hutang isi rumah ini juga akan bertambah apabila isi rumah cukup optimis untuk meminjam dan pelabur pula yakin untuk memberikan pinjaman seperti yang berlaku dalam industri perumahan.

Selain itu, Thomas dan Reza (2010) membuktikan isi rumah mengumpul pelbagai jenis hutang termasuklah gadai janji, pinjaman pendidikan, dan hutang pengguna pada sepanjang kitaran hayat mereka. Memandangkan kadar faedah yang tinggi dikenakan ke atas hutang isi rumah, maka persaraan atau pembayaran awal hutang bakal menawarkan penjimatan sebanyak kadar faedah tersebut. Seperkara yang menarik ialah mereka juga membuktikan isi rumah yang berhutang kurang cenderung untuk membuat pelaburan dalam bon dan saham berbanding dengan isi rumah yang tidak mempunyai hutang. Di samping itu, isi rumah yang berhutang juga kerap kali terpaksa melepaskan penyertaan mereka dalam pasaran ekuiti kerana mereka perlu membayar kadar faedah pinjaman yang tinggi.

Metodologi

Memandangkan kajian ini hanya mengkaji kes pinjaman kenderaan, peribadi dan kad kredit, maka seramai 200 responden telah dipilih dari kalangan individu yang masih mempunyai baki bagi sekurang-kurangnya dua daripada tiga jenis pinjaman tersebut. Pemilihan sampel dilakukan secara rawak mudah di sekitar Selangor. Data dikumpulkan menerusi pagedaran borang

soal selidik dan dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan program SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*) versi 16.

Borang soal selidik bagi kajian ini terdiri daripada tiga bahagian. Secara spesifik, bahagian pertama mengandungi soalan berkaitan latar belakang responden, termasuklah sama ada responden tinggal di kawasan bandar atau luar bandar. Definisi bagi kedua-dua kawasan tersebut adalah seperti yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi Banci Penduduk dan Perumahan 2010, iaitu kawasan bandar terdiri daripada metropolitan dan bandar besar manakala kawasan luar bandar merangkumi bandar kecil dan luar bandar. Bahagian kedua pula terdiri daripada soalan berkaitan perbelanjaan dan tabungan individu. Bahagian kedua ini juga dipecahkan kepada dua bentuk soalan, iaitu soalan tentang anggaran perbelanjaan dan tabungan individu, serta soalan (kenyataan) berkaitan gelagat perbelanjaan dan tabungan yang memerlukan responden memberikan jawapan sama ada setuju atau tidak bersetuju. Seterusnya, bahagian ketiga menjerus kepada soalan mengenai status pembiayaan responden bagi pinjaman kenderaan, peribadi dan kad kredit. Bahagian ini turut mengajukan soalan sama ada responden pernah mempunyai pengalaman disenarai hitam bagi pinjaman tertentu secara umum tanpa merujuk kepada senarai hitam di *CCRIS* atau *CTOS* atau sebab responden disenarai hitamkan.

Analisis Kajian

Profil responden

Bahagian ini bertujuan melihat secara keseluruhan profil responden di sekitar Selangor. Jadual 1 memaparkan analisis frekuensi (kekerapan) dan peratusan bagi responden. Daripada 200 orang responden, kebanyakan responden merupakan responden perempuan (51.5%), berumur dalam lingkungan 31 hingga 40 tahun (44%), berbangsa Melayu (84.0%), tinggal di bandar (74.2%), berkahwin (75%), mempunyai pendidikan tertinggi ijazah sarjana muda/sarjana/*PhD* (37.5%) dan mempunyai tingkat pendapatan isi rumah RM4,001 hingga RM8,000 (42%).

Jadual 1: Profil Responden

Bil.	Latar Belakang Responden	Kekerapan (orang)	Peratusan (%)
1.	<u>Jantina</u>		
	Lelaki	97	48.5
	Perempuan	103	51.5
2.	<u>Umur</u>		
	21 – 30 tahun	60	30.0
	31 – 40 tahun	88	44.0
	41 – 50 tahun	39	19.5
	51 tahun ke atas	13	6.5
3.	<u>Kaum</u>		
	Melayu	168	84.0
	Cina	19	9.5
	India	13	6.5
4.	<u>Kawasan tempat tinggal</u>		
	Bandar	148	74.2
	Luar Bandar	52	25.8
5.	<u>Status perkahwinan</u>		
	Bujang	40	20.0
	Berkahwin	150	75.0
	Bercerai	6	3.0
	Ibu/bapa tunggal	4	2.0
6.	<u>Tahap pendidikan tertinggi</u>		
	Sekolah Rendah/Sekolah Menengah	55	27.5
	Diploma/STPM/STAM	68	34
	Ijazah Sarjanamuda/Sarjana/ <i>PhD</i>	75	37.5
	Lain-lain	2	1.0
7.	<u>Pendapatan isi rumah</u>		
	RM4,000 dan ke bawah	68	34.0
	RM4,001 hingga RM8,000	84	42.0
	RM8,001 hingga RM12,000	28	14.0
	RM12,001 hingga RM16,000	16	8.0
	RM16,001 dan ke atas	4	2.0
8.	<u>Adakah anda ketua keluarga?</u>		
	Ya	75	37.5
	Tidak	125	62.5
9.	<u>Jenis rumah yang diduduki</u>		
	Teres setingkat	89	44.5
	Teres dua tingkat	60	30.0
	Pangsapuri	14	7.0
	Kondominium	4	2.0
	Flat	7	3.5
	Banglo	7	3.5
	Semi D	5	2.5
	Lain-lain	14	7.0

Nota: N merujuk kepada bilangan responden iaitu 200 orang.

Jika diperhalusi, didapati kebanyakan responden juga bukan ketua keluarga (62.5%), lantas unikunya dapatan kajian ini ialah ia lebih tertumpu pada beban hutang dalam kalangan individu atau ahli dalam sesebuah keluarga yang bukan merupakan pembuat keputusan utama dalam keluarga tersebut. Di samping itu, hampir separuh responden (44.5%) tinggal di rumah teres setingkat. Secara keseluruhannya, lebih 50 peratus responden kajian ini ialah golongan berumur pertengahan yang produktif, tinggal di bandar, berkahwin, merupakan golongan berpendapatan sederhana dan bukan ketua keluarga.

Perbelanjaan dan tabungan bulanan individu

Anggaran perbelanjaan mengikut item terpilih dan tabungan responden (individu) adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2. Didapati lebih 80 peratus responden memperuntukkan perbelanjaan sekitar RM0 hingga RM1,000 terhadap makanan dan minuman, pengangkutan (seperti petrol dan tambang bas/tekسي/komuter) dan bayaran ansuran (seperti insurans, potongan koperasi dan duit kutu). Dalam masa yang sama, lebih 80 peratus responden juga berbelanja sebanyak RM0 hingga RM500 untuk bil utiliti (yang merangkumi bil air, elektrik, Astro, telefon dan Internet), kesihatan (ubat-ubatan), pendidikan anak-anak (seperti kelas tambahan dan yuran sekolah), penjagaan anak-anak dan hiburan serta riadah. Secara keseluruhannya pula, 47 peratus responden berbelanja kurang daripada RM2,000 sebulan terhadap pelbagai item perbelanjaan. Hal ini mencerminkan kebanyakan responden yang berpendapatan sederhana ini tidak banyak berbelanja pada setiap bulan memandangkan mereka bukan ketua keluarga yang perlu menanggung keseluruhan perbelanjaan keluarga.

Jika diperhalusi gelagat perbelanjaan responden seperti dalam Jadual 3 pula, didapati secara relatifnya kebanyakan responden cenderung untuk tidak bersetuju dengan kenyataan yang diberikan. Hal ini menggambarkan responden masih mengamalkan tingkah laku berbelanja secara berhemat walaupun kebanyakan responden tersebut merupakan golongan berpendapatan sederhana dan bukan ketua keluarga. Namun, responden cenderung berbelanja secara berlebihan sekiranya berlaku kecemasan dan pada musim perayaan untuk memastikan hiasan rumah mereka lebih cantik dan mewah daripada rakan/jiran.

Dari aspek tabungan pula, natijah daripada peruntukan perbelanjaan terhadap pelbagai item (Jadual 2) telah menyebabkan 79.5 peratus responden hanya mampu membuat tabungan bulanan sekitar RM500 ke bawah sahaja seperti pada panel (a) dalam Jadual 4. Secara tidak langsung, hal ini mencerminkan bahawa walaupun kebanyakan responden berpendapatan sederhana dan bukan ketua keluarga, namun responden turut menyumbang dalam perbelanjaan keluarga; oleh itu responden tidak mampu menabung dengan

banyak. Seterusnya, gelagat tabungan individu pada panel (b) dalam Jadual 4 turut membuktikan bahawa individu membuat peruntukan awal sejumlah wang daripada gaji sebagai tabungan secara konsisten. Namun, perlu diingatkan bahawa walaupun individu tidak banyak menabung, tetapi individu cenderung untuk mengurangkan jumlah tabungan bulanan akibat peningkatan kos sara hidup dan akan mengeluarkan wang tabungan untuk membeli keperluan asas jika peruntukan perbelanjaan mereka tidak mencukupi.

Jadual 2: Anggaran Perbelanjaan Bulanan Individu

Bil.	Item	Kekerapan (orang)	Peratusan (%)
1.	<u>Perbelanjaan makanan dan minuman</u>		
	RM0–RM1,000	174	87.0
	RM1,001–RM2,000	24	12.0
	RM2,001 ke atas	2	1.0
2.	<u>Perbelanjaan pengangkutan</u>		
	RM0–RM1,000	195	97.5
	RM1,001–RM2,000	3	1.5
	RM2,001 ke atas	2	1.0
3.	<u>Perbelanjaan utiliti</u>		
	RM0–RM500	177	88.5
	RM501–RM1,000	20	10.0
	RM1,001–RM1,500	3	1.5
4.	<u>Anggaran perbelanjaan kesihatan</u>		
	RM0–RM500	199	99.5
	RM501–RM1,000	1	0.5
5.	<u>Perbelanjaan pendidikan anak-anak</u>		
	RM0–RM500	179	89.5
	RM501–RM1,000	12	6.0
	RM1,001 ke atas	9	4.5
6.	<u>Perbelanjaan penjagaan anak-anak</u>		
	RM0–RM500	186	93.0
	RM501–RM1,000	14	7.0
7.	<u>Perbelanjaan hiburan dan riadah</u>		
	RM0–RM500	198	99.0
	RM501–RM1000	2	1.0

Jadual 2 (sambungan)

Bil.	Item	Kekerapan (orang)	Peratusan (%)
8.	<u>Perbelanjaan bawaran ansuran</u>		
	RM0–RM1,000	183	91.5
	RM1,001–RM2,000	12	6.0
	RM2,001 ke atas	5	2.5
9.	<u>Jumlah perbelanjaan bulanan</u>		
	RM2,000 ke bawah	94	47.0
	RM2,001–RM4,000	82	41.0
	RM4,001–RM6,000	15	7.5
	RM6,001 ke atas	9	4.5

Nota: N merujuk kepada bilangan responden iaitu 200 orang.

Jadual 3: Gelagat Perbelanjaan Individu

Bil.	Kenyataan	Tidak Bersetuju (%)	Setuju (%)
1.	Saya pernah mengalami perbelanjaan berlebihan akibat masalah kecemasan.	29	71.0
2.	Sentiasa mengutamakan barangan yang berkualiti walaupun barangan tersebut adalah mahal.	52.5	47.5
3.	Membeli-belah atas talian meningkatkan penggunaan kad kredit sehingga maksimum.	56.0	44.0
4.	Saya akan mengutamakan kepuasan dalam membeli barang berbanding kemampuan.	50.5	49.5
5.	Sentiasa merasakan apa-apa yang saya miliki masih tidak mencukupi.	53.5	46.5
6.	Saya tidak kisah untuk membeli barang walaupun saya terpaksa berhutang.	50.5	49.5
7.	Saya akan cemburu apabila rakan sekerja atau jiran tetangga membeli aset baharu (contoh: emas, kereta).	51.5	48.5
8.	Pengaruh media mendorong saya untuk berbelanja melebihi kemampuan kewangan saya.	50.5	49.5
9.	Saya tidak dapat mengawal desakan untuk memiliki sesuatu yang di luar kemampuan saya.	54	46
10.	Mudah terpengaruh dengan rakan/jiran dalam berbelanja.	52.5	47.5

Jadual 3 (sambungan)

Bil.	Kenyataan	Tidak Bersetuju (%)	Setuju (%)
11.	Pada musim perayaan, saya akan memastikan hiasan rumah saya lebih cantik dan mewah daripada rakan/iiran.	49.0	51.0
12.	Saya pernah berbelanja besar walaupun barang tersebut bukan keperluan hidup pada waktu itu.	52.0	48.0
13.	Sentiasa membeli-belah di tempat-tempat mewah (seperti butik) bagi menjaga status	53.5	46.5
15.	Sekiranya duit gaji telah habis, saya akan menggunakan saluran kredit (pinjaman/kadkredit) untuk mendapatkan barang tersebut.	52.5	47.5
16.	Saya menggunakan kad kredit untuk pembelian barang keperluan asas.	52.5	47.5
17.	Kad kredi tmempengaruhi saya untuk membeli barang yang tidak perlu/membazir.	51.5	48.5

Jadual 4: Anggaran dan Gelagat Tabungan Bulanan Individu

a) ANGGARAN TABUNGAN BULANAN INDIVIDU			
Bil.	Item	Kekerapan (orang)	Peratusan (%)
1.	<u>Tabungan responden</u>		
	RM500 ke bawah	159	79.5
	RM501–RM1,000	34	17.0
	RM1,001 ke atas	7	3.5
b) GELAGAT TABUNGAN INDIVIDU			
Bil.	Kenyataan	Tidak Bersetuju (%)	Setuju (%)
1.	Apabila saya mendapat gaji saya akan membuat peruntukan awal untuk sebahagian daripada wang gaji sebagai tabungan.	21.5	78.5
2.	Secara purata, saya akan menabung minimum 5% daripada pendapatan bulanan saya.	28.5	71.5
3.	Saya akan lebih banyak menabung jika kadar bunga dijangka meningkat.	43.0	57.0
4.	Saya akan mengeluarkan wang tabungan untuk membeli barang keperluan asas jika wang yang diperuntukkan untuk perbelanjaan tidak mencukupi.	30.0	70.0
5.	Peningkatan kos sara hidup kini menyebabkan saya mengurangkan jumlah tabungan bulanan.	36.0	64.0

Pinjaman kenderaan

Jadual 5 menunjukkan profil pembiayaan kenderaan bagi pembelian pelbagai jenis kereta iaitu sedan, kompak, *hatchback*, *SUV* dan *MPV* serta motosikal dan van. Didapati 74.5 peratus daripada responden masih membuat dan mempunyai pinjaman untuk membiayai pembelian kenderaan. Keputusan ini sebenarnya selari dengan dapatan kajian Erich *et al.* (2008) yang menyatakan kebanyakan individu membuat pinjaman untuk membeli kenderaan. Sementara, 25.5 peratus responden lagi memperoleh kenderaan melalui pembelian secara tunai, diterima sebagai hadiah daripada orang lain, pinjaman kenderaan telah habis dibayar dan kenderaan yang dimiliki dibiayai menerusi pinjaman oleh ahli keluarga atau orang lain.

Jadual 5: Status Pembiayaan Kenderaan

Bil.	Kenyataan	Kekerapan (orang)	Peratusan (%)
1.	Adakah anda membuat pinjaman untuk membiayai pembelian kenderaan?		
	Ya	149	74.5
	Tidak	51	25.5
2.	Saya pernah sekali terlewat membayar pinjaman kenderaan.		
	Ya	47	31.5
	Tidak	102	68.5
3.	Saya sering terlewat membayar pinjaman kenderaan.		
	Ya	10	7.0
	Tidak	139	93.0
4.	Saya pernah mendapat surat amaran daripada pihak bank supaya menjelaskan pembayaran pinjaman kenderaan.		
	Ya	16	11.0
	Tidak	133	89.0
5.	Saya pernah disenarai hitam.		
	Ya	4	3.0
	Tidak	145	97.0
6.	Aset terpaksa dilelong kerana tidak dapat membayar pinjaman kenderaan.		
	Ya	4	3.0
	Tidak	145	97.0

Nota: N merujuk kepada bilangan responden iaitu 149 orang.

Dapatan juga menunjukkan 31.5 peratus daripada responden yang masih mempunyai pinjaman kenderaan pernah sekali terlewat membayar pinjaman, 7.0 peratus responden sering terlewat membayar pinjaman kenderaan, 11% responden pernah mendapat surat amaran daripada pihak bank, 3.0 peratus responden pernah disenarai hitam oleh pihak bank dan 3.0 peratus daripada responden mempunyai pengalaman kenderaan mereka terpaksa dilelong oleh pihak bank. Kelewatan pembayaran pinjaman ini bermungkinan disebabkan kaedah pembayaran yang memerlukan responden sendiri membuat bayaran bulanan kepada bank yang berkenaan dan bukannya secara bayaran automatik, seperti kaedah pembayaran melalui potongan gaji. Dalam masa yang sama, kadar kelewatan pembayaran pinjaman dan senarai hitam yang rendah ini juga sebenarnya menunjukkan responden yang kebanyakannya merupakan golongan berpendapatan sederhana dan bukan ketua keluarga berupaya dan berdisiplin dalam menguruskan hutang kenderaan. Hal ini terkesan daripada responden tersebut kurang komitmen atau tidak perlu menanggung perbelanjaan keluarga secara keseluruhannya dan ditambah lagi dengan kebanyakan responden berbelanja secara berhemat (seperti dapatan dalam Jadual 3), oleh itu mereka sentiasa mempunyai lebih pendapatan yang akan digunakan untuk membayar ansuran bulanan bagi pinjaman kenderaan.

Pinjaman peribadi

Berdasarkan Jadual 6, didapati 46.0 peratus responden masih mempunyai pinjaman peribadi yang belum habis dibayar. Namun, hanya 13.0 peratus daripada responden yang masih mempunyai pinjaman peribadi tersebut pernah sekali terlewat membayar pinjaman, 5.0 peratus responden sering terlewat membayar pinjaman, 9.0 peratus responden pernah mendapat surat amaran daripada pihak bank dan 2.0 peratus responden pernah disenarai hitam. Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan 11.0 peratus responden pernah meminta bantuan kewangan daripada keluarga dan kawan-kawan, 3.0 peratus responden pernah meminta bantuan kewangan daripada organisasi masyarakat/kebajikan dan 3.0 peratus responden mempunyai pengalaman penjamin mereka terpaksa melunaskan baki pinjaman tersebut. Justeru, memandangkan kadar kelewatan dan kegagalan pembayaran balik pinjaman adalah rendah, maka dapatlah disimpulkan bahawa kebanyakan responden mampu menguruskan pembayaran balik pinjaman peribadi pada setiap bulan dengan baik. Keputusan ini tidaklah menghairankan memandangkan kebanyakan reponden ialah golongan berpendapatan sederhana dan bukan ketua bagi sesebuah keluarga.

Jadual 6: Status Pembiayaan dan Permasalahan Pinjaman Peribadi

Bil.	Kenyataan	Kekerapan (orang)	Peratusan (%)
1.	Adakah anda membuat pinjaman peribadi? Ya Tidak	92 108	46.0 54.0
2.	Saya pernah sekali terlewat membayar pinjaman peribadi. Ya Tidak	12 80	13.0 87.0
3.	Saya sering terlewat membayar pinjaman peribadi. Ya Tidak	5 87	5.0 95.0
4.	Saya pernah mendapat surat amaran daripada pihak bank supaya menjelaskan pembayaran pinjaman peribadi. Ya Tidak	8 84	9.0 91.0
5.	Saya pernah disenarai hitam. Ya Tidak	2 90	2.0 98.0
6.	Saya pernah meminta bantuan kewangan daripada keluarga dan kawan-kawan. Ya Tidak	10 82	11.0 89.0
7.	Saya pernah meminta bantuan kewangan daripada organisasi masyarakat/kebijakan. Ya Tidak	3 89	3.0 97.0
8.	Terdapat pinjaman saya yang penjamin terpaksa melunaskan baki pinjaman tersebut. Ya Tidak	3 89	3.0 97.0

Nota: N merujuk kepada bilangan responden iaitu 92 orang.

Pinjaman kad kredit

Jadual 7 menunjukkan hanya 30.5 peratus responden mempunyai pinjaman kad kredit. Peratusan yang rendah ini mencerminkan hanya responden yang berisiko rendah sahaja akan menggunakan kad kredit sepenuhnya (Sule & Gyongyi, 2013). Daripada jumlah responden yang mempunyai pinjaman kad kredit tersebut, 57.0 peratus responden membayar penuh bil kad kredit, 23.0 peratus responden hanya membuat bayaran minimum yang telah ditetapkan dan 13.0 peratus responden membayar separuh daripada jumlah bil kad

kredit. Namun, 7.0 peratus responden lagi didapati tidak mampu untuk melunaskan baki pinjaman kad kredit.

Jadual 7: Status Pembiayaan dan Permasalahan Pinjaman Kad Kredit

Bil.	Kenyataan	Kekerapan (orang)	Peratusan (%)
1.	Adakah anda mempunyai kad kredit? Ya Tidak	61 139	30.5 69.5
2.	Gelagat pembayaran hutang kad kredit: Membayar penuh bil kad kredit. Membuat bayaran minimum yang dikenakan. Membayar separuh dari jumlah bil kad kredit. Terdapat baki kad kredit yang saya tidak mampu bayar.	35 14 8 4	57.0 23.0 13.0 7.0
3.	Kemudahan kredit yang semakin berleluasa telah mendorong saya untuk menambah pembelian barang secara kad kredit. Ya Tidak	11 50	18.0 82.0
4.	Saya pernah mendapat surat amaran daripada pihak bank supaya menjelaskan pembayaran kad kredit. Ya Tidak	7 54	11.5 88.5
5.	Saya pernah disenarai hitam. Ya Tidak	3 58	5.0 95.0
6.	Saya sering kali meminta bantuan kewangan daripada keluarga dan kawan-kawan untuk membayar kad kredit. Ya Tidak	1 60	2.0 98.0
7.	Amalan bayaran minimum menyebabkan jumlah baki tertunggak meningkat. Ya Tidak	15 46	25.0 75.0
8.	Saya selalu mencapai had kredit maksimum yang diberikan oleh pengeluar kad kredit. Ya Tidak	6 55	10.0 90.0

Nota: N merujuk kepada bilangan responden iaitu 61 orang.

Selain itu, 18.0 peratus responden menegaskan mereka menambah pembelian barang secara kredit berikutan kemudahan kredit yang mudah diperolehi dalam pasaran. Dalam masa yang sama, 11.5 peratus responden pernah

mendapat surat amaran daripada pihak bank, 5.0 peratus responden pernah disenarai hitam, 2.0 peratus responden sering kali meminta bantuan kewangan daripada keluarga dan kawan-kawan untuk membayar kad kredit, 25.0 peratus responden bersetuju bahawa amalan bayaran minimum menyebabkan jumlah baki kad kredit tertunggak meningkat, dan 10.0 peratus responden sering mencapai had kredit maksimum yang telah diberikan oleh pengeluar kad kredit. Rentetan itu, dapatlah disimpulkan bahawa kebanyakan responden yang merupakan golongan berpendapatan sederhana dan bukan ketua keluarga masih mampu menguruskan pembayaran balik hutang kad kredit dengan baik pada setiap bulan.

Rumusan dan Implikasi Dasar

Secara keseluruhannya, terdapat tiga dapatan kajian yang diperolehi. Pertama, kebanyakan responden yang masih mempunyai pinjaman kenderaan, peribadi dan/atau kad kredit berbelanja secara berhemat. Namun, responden cenderung berbelanja secara berlebihan sekiranya berlaku kecemasan dan pada musim perayaan untuk memastikan hiasan rumah mereka lebih cantik dan mewah daripada rakan/jiran. Kedua, walaupun responden tidak banyak menabung, namun responden cenderung mengurangkan jumlah tabungan bulanan akibat peningkatan kos sara hidup dan akan mengeluarkan wang tabungan untuk membeli keperluan asas jika peruntukan perbelanjaan mereka tidak mencukupi. Ketiga, memandangkan kadar kelewatan pembayaran pinjaman dan senarai hitam adalah rendah bagi ketiga-tiga kes pinjaman kenderaan, peribadi dan kad kredit, maka secara langsung ini mencerminkan responden berupaya dan berdisiplin dalam menguruskan pembayaran balik hutang-hutang tersebut pada setiap bulan. Hal ini terkesan daripada kebanyakan responden tersebut merupakan golongan berpendapatan sederhana dan bukan ketua keluarga, oleh itu mereka kurang komitmen atau tidak perlu menanggung perbelanjaan keluarga secara keseluruhannya. Hal ini ditambah lagi dengan kebanyakan mereka berbelanja secara berhemat, lantas mereka sentiasa mempunyai lebih pendapatan yang akan digunakan untuk membayar ansuran bulanan bagi pinjaman tersebut.

Rentetan itu, walaupun pengurusan hutang dalam kalangan responden dilihat agak baik, namun kesedaran masyarakat terhadap pengurusan hutang yang betul dalam situasi pasaran yang tidak menentu perlu diwujudkan. Dalam sistem pendidikan, pada semua peringkat harus diterapkan dengan kursus pengurusan kewangan secara lebih lengkap dan serius. Dengan tekanan dan cabaran hidup semasa, kita tidak boleh menegah masyarakat untuk berhutang, tetapi kesedaran peminjam yang sebenarnya perlu dipertingkatkan menerusi sistem pendidikan yang ada. Selain itu, galakan untuk individu menabung dan membuat pelaburan secara ansuran setiap bulan perlu dilakukan oleh pelbagai pihak, termasuk kerajaan dan institusi kewangan.

Hal ini penting agar masyarakat tidak terlalu bergantung pada pinjaman, sebaliknya berubah kepada menggunakan pulangan daripada tabungan dan pelaburan untuk memenuhi keperluan serta kehendak mereka.

Rujukan

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit. (2014). *Financial Ist Magazine*. Malaysian Financial Planning Council.

Athanassiou, E. (2012). Household debt and domestic demand: Greece versus other Euro zone economies. *International Journal of Business and Social Science*, 3(10), 157–167.

Azlina, Z. A., Tamat, S. & Abu Hassan Shaari, M. N. (2013). Jurang Pendapatan dan Hutang Isi Rumah. Dalam Ishak, Y., Sanep, A., Nor Aini, I., Norlida Hanim, M.S., Mohd Azlan Shah, Z., Shahida, S. dan Tamat, S. (eds.), *Dasar Awam dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Hala Tuju: Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM) Ke-VIII 2013* (pp. 445-459). Bangi: Penerbit UKM.

Bank Negara Malaysia. (2015). <http://www.bnm.gov.my/files/publication/fsps/bm/2015/cp01.pdf>

Barba, A. & Pivetti, M. (2009). Rising household debt: Its causes and macroeconomic implications- a long-period analysis. *Cambridge Journal of Economics*, 33, 113–137.

Berita Harian. (2016). <http://www.insolvensi.gov.my/ms/gallery/press-statement/berita-harian/948-berita-harian-25-05-2016-pinjaman-peribadi-sewa-beli-kereta-galak-mufflis>

Cynamon, B.Z. & Fazzari, S.M. (2008). Household debt in the consumer age: Source of growth-risk of collapse. *Capitalism and Society*, 3(2), 1–30.

Cynamon, B.Z. & Fazzari, S.M. (2010). *The End of the Consumer Age*, 3.

Erich, K., Erik, H., & Bernadette, K. (2008). Spending and credit use in the private household. *The Journal of Socio-Economics*, 37(2), 519–532.

Jabatan Insolvensi Malaysia. (2013). Statistik Kebankrapan. Dimuat turun daripada <http://www.insolvensi.gov.my/ms/about-us/resources/statistics/bankruptcy/217-statistik-bankrup>

Kim, Y.K. (2013). Household debt, financialization, and macroeconomic performance in the U.S., 1951–2009. *Journal of Post Keynesian Economics*, 35(4), 675–694.

Mark, S. & Yun, K.K. (2013). Debt servicing, aggregate consumption, and growth. *Structural Change and Economic Dynamics*, 36, 22–33.

Moroke, N.D. (2014). Household debts-and macroeconomic factors nexus in the United States: A cointegration and vector error correction approach. *Journal of Economics and Behavioral Studies*, 6(6), 452–465.

Sheilagh, O., Markus, K., & Janine, M. (2012). Household debt in early modern Germany: Evidence from personal inventories. *The Journal of Economic History*, 72(1), 134–167.

Standard and Poor's Rating Services. (2015). Credit conditions: slowing China the new norm: balancing credit stability and continual tailwinds. Dimuat turun daripada http://www.standardandpoors.com/en_US/web/guest/article/-/view/sourceId/9104139

Sule, A. & Gyongyi, L. (2013). Subprime consumer credit demand: Evidence from a lender's pricing experiment. *Review of Financial Studies*, 26(9), 2353–2374.

Sumit, A., Liu, C., & Lawrence, M. (2003). Exemption laws and consumer delinquency and bankruptcy behavior: An empirical analysis of credit card data. *The Quarterly Review of Economics and Finance*, 43, 273–289.

The Consumer Credit Counselling Service. (2010). Debt Problems Impact Negatively on People's Health. Dimuat turun daripada <http://www.theguardian.com/money/2010/jul/21/debtproblemsimpact-health>

Thomas, A.B. & Reza, S. (2010). Outstanding debt and the household portfolio. *Review of Financial Studies*, 23(7), 2900–2934.

Unit Perancang Ekonomi. (2015). <http://www.epu.gov.my/ms>

Utusan Malaysia. (2014). http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140828/dn_13/280428-dapat-khidmat-AKPK

Utusan Malaysia. (2015). <http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/23-484-golongan-belia-muflis-1.107133>